



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

21 MEI 2015

**KENYATAAN MEDIA**  
**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**"ISU VIDEO IBU KANDUNG DERA BAYI & BAYI DIKERAT 15"**

Susulan daripada video berkenaan kes yang telah menjadi viral di media sosial mengenai bayi berusia 5 bulan dipercayai didera oleh ibu kandungnya sendiri, saya berasa amat terkejut, sedih dan kecewa dengan kejadian yang menimpa bayi tersebut. Video penderaan yang disebarkan kembali sejak beberapa hari yang lepas telah mendapat perhatian Kementerian sejak 21 April 2015 yang lalu.

Kes ini sedang dalam siasatan Pegawai Penyiasat di bawah Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap bayi tersebut.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelindung di daerah telah mengadakan lawatan dan memberi perlindungan kepada bayi tersebut sebaik sahaja kes tersebar. JKM mengambil tindakan untuk mendapatkan hak jagaan sementara bagi bayi iaitu Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) melalui perintah mahkamah kepada neneknya (ibu sebelah ayah bayi).

Sepanjang jagaan OYLS, pelindung sentiasa mengadakan pemantauan dan seliaan bagi memastikan bahawa bayi tersebut berada dalam jagaan yang sempurna di samping memberi khidmat nasihat kepada OYLS dalam hal-hal penjagaan bayi.

Mengulas mengenai isu bayi yang dikerat 15 berlaku di Johor Bahru, saya ingin melahirkan rasa kesal terhadap kejadian tersebut. Kami di Kementerian sememangnya memandang serius akan hal ini. Pelaku

seharusnya dikenakan hukuman yang berat terhadap perbuatan kejam seperti ini.

Berikutan itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa Akta Kanak-Kanak yang baharu dan bakal dibentangkan di Parlimen kelak dapat mencegah daripada berlakunya kejadian-kejadian sedemikian rupa. Selain daripada itu, akta yang bakal digubal ini juga akan mencakupi elemen-elemen secara menyeluruh seperti hak kehidupan, hak perlindungan, hak perkembangan dan hak penyertaan yang mana akan menjamin kesejahteraan kanak-kanak.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**